

19/09/1998

Semua dakwaan asing karut: PM

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dakwaan kononnya Malaysia gagal melaksanakan dasar ekonomi yang berkesan sehingga menghadapi kegawatan ekonomi adalah ciptaan pihak asing untuk mengaut kekayaan.

Menurut Perdana Menteri, mereka juga menggunakan alasan kononnya wujud pelbagai kepincangan dalam pentadbiran dan sistem di Malaysia serta negara Asia bagi membolehkan mereka menyerang ekonomi dan membolot kekayaan.

Sambil menyifatkan golongan berkenaan sebagai hipokrit, beliau berkata semua dakwaan itu adalah karut dan langsung tidak ada kebenaran.

Dr Mahathir juga menafikan kegawatan yang berlaku sekarang berpunca daripada kesan atau jangkitan yang dialami negara jiran, sebaliknya sengaja dilakukan untuk mengaut keuntungan.

"Ini semua karut, tiada jangkitan... tiada salah apa. Yang mereka nampak untuk dapat keuntungan dengan jualan singkat mata wang. Alasan dicipta (kononnya) kerajaan amalkan sistem pentadbiran tidak baik, nepotisme dan kronisme.

"Ini semua ciptaan... alasan mereka serang dan buat duit. Hipokrit... tidak ada kebenaran langsung dengan apa yang mereka dakwa," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau menyaksikan acara menembak Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98) dan menyampaikan pingat kepada pemenang di Lapangasar Menembak Antarabangsa Langkawi (Lisram) di sini.

Beliau ditanya mengenai saranan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) kepada negara lain supaya mencontohi langkah yang diambil Malaysia bagi memulihkan kegawatan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, sedikit sebanyak pihak asing mengakui tindakan Malaysia sebagai bijak dalam memulihkan ekonomi negara.

"Walaupun mereka serang dan kata saya gila, nampaknya orang gila pun ada pengikutnya," katanya.

Dr Mahathir juga mengecam media asing kerana bersikap berat sebelah dan sentiasa memihak kepada pembangkang di negara ini.

Perdana Menteri berkata, bagi mereka (media asing) pembangkang tidak melakukan kesalahan dan kerajaan Malaysia tetap dituduh melakukan penindasan walaupun mengambil tindakan terhadap pembangkang mengikut lunas undang-undang.

Menurutnya, media asing akan berkata ia perkara biasa jika kerajaan mengambil tindakan terhadap anggota kerajaan.

"Kita sudah pecat Ketua Menteri, Menteri Besar, kita dakwa anggota Parlimen dari Umno dan parti-parti lain, kita penjarakan mereka sekiranya mereka bersalah, malah mengenakan hukuman mati, tetapi media asing tidak pernah kata kita adil.

"Apabila kita tangkap dan hadapkan (Lim) Guan Eng, itu dikatakan kita menindas," katanya dan menambah Guan Eng tidak ditahan tanpa perbicaraan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya.

(END)